

14 FEB 1997

Rumah-Sungai

PENDUDUK TEPI SUNGAI DI BEAUFORT MULA BERPINDAH

KOTA KINABALU, 14 Feb (Bernama) -- Beberapa penduduk yang tinggal di tepi sungai di daerah Beaufort, kira-kira 100km dari ini mula berpindah ke kawasan yang lebih selamat berikutan arahan kerajaan baru-baru ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Lajim Ukin hari ini berkata penduduk berkenaan adalah yang tinggal di sepanjang Sungai Padas, termasuk di kampung Tanjung Bakalan.

"Mereka yang mempunyai tanah di kawasan lain telah mula meninggalkan penempatan di kawasan tepi sungai manakala mereka yang tidak bertanah telah menulis surat meminta kerajaan menyediakan lot untuk mereka," katanya pada persidangan berita di sini.

Persidangan berita itu bagi mengumumkan lawatan dua hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Sabah mulai Isnin ini.

Lajim berkata Penolong Pemungut Hasil Tanah (PPHT) di daerah-daerah terbabit telah diminta mengkaji penempatan penduduk yang tinggal di tepi-tepi sungai di seluruh negeri termasuk penyediaan lot tanah kerajaan bagi mereka yang tidak bertanah.

Kajian terhadap pemindahan penempatan penduduk di tepi sungai itu dibuat berikutan arahan Dr Mahathir bulan lepas ekoran tragedi ribut tropika Greg dan banjir kilat yang mengorbankan lebih 200 orang di Keningau hujung Disember lepas.

Kebanyakan daripada mereka yang maut dalam kejadian di Keningau itu adalah kalangan masyarakat pendatang Toraja dari Sulawesi Selatan, Indonesia yang tinggal di tepi sungai di daerah berkenaan.

Lajim berkata antara daerah yang menjadi tumpuan kajian penempatan sedemikian di Sabah ialah Beaufort, Tenom, Keningau dan Kinabatangan.

"Kita juga telah meminta Jabatan Tanah dan Ukur di setiap daerah agar terus menasihati penduduk tepi sungai agar berpindah ke kawasan selamat. Ini memakan masa kerana tidak mudah untuk mengubah pemikiran penduduk di kawasan terbabit," katanya.

Menurutnya ada penduduk yang berkeras tinggal di tepi sungai kerana berpendapat tragedi seumpama itu tidak akan berlaku lagi dalam tempoh terdekat ini. -- BERNAMA

JS NMO